



## JABATAN PERIKANAN MALAYSIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Department of Fisheries Malaysia  
Ministry of Agriculture and Food Security  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI  
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
62628 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

03-8870 4426

ukk@dof.gov.my

<http://www.dof.gov.my>

No. Ruj.: PRK.ML.11/02/09-1/1(102)

## SIARAN MEDIA

### DOF GESA SEMUA PIHAK TIDAK LEPASKAN IKAN PEMANGSA SEWENANGNYA

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menyeru kepada semua pihak serta mana-mana individu agar tidak sewenang-wenangnya melepaskan anak-anak ikan atau ikan-ikan yang tergolong dalam kategori ikan pemangsa (invasif) dan juga dikenali sebagai “alien species”.

“Hasil dari program inventori yang telah dijalankan oleh Jabatan Perikanan Negeri Selangor serta maklum balas yang diperolehi daripada nelayan-nelayan darat, didapati beberapa sungai utama negeri Selangor kini dikesan menjadi habitat ikan pemangsa ini. Spesies invasif ini mula mengancam populasi ikan tempatan seperti ikan kelah, temoleh, jelawat, lampam, tenggalan, kerai, terbul, sebarau, baung serta udang galah yang selama ini mendiami perairan tersebut.

Pengarah Perikanan Negeri Selangor, Noraisyah Abu Bakar berkata beberapa sungai yang dikesan menjadi habitat spesies invasif adalah di Sungai Klang, Sungai Langat, Sungai Selangor dan Sungai Bernam serta di beberapa tasik juga kolam takungan.

“Ikan spesies invasif seperti baung ekor merah, peacock bass dan pacu mempunyai keupayaan membiak serta boleh membesar dengan cepat dan terus berkembang. Sebahagian ikan-ikan ini juga boleh bertahan pada keadaan air yang tercemar seperti ikan keli afrika dan ikan bandar raya (ikan pleco).

“Antara faktor-faktor yang dikenal pasti menjadi punca lambakan ikan-ikan invasif atau spesies asing ini adalah dari ritual keagamaan dan membayar nazar serta yang dibawa masuk bagi tujuan hobi atau dibela dalam akuarium namun kemudian dilepaskan oleh segelintar pihak tidak bertanggungjawab ke sistem saliran tempatan apabila tidak lagi mampu mengendalikannya.

DOF tidak pernah melarang atau menyekat sesiapa untuk melakukan upacara nazar namun dengan syarat tidak melepaskan ikan invasif atau pemangsa ke perairan umum. Semua pihak yang berhasrat untuk melepaskan ikan ke perairan umum, dimohon untuk mendapatkan khidmat nasihat dari Pejabat Perikanan Daerah yang terdekat. Jabatan amat menggalakkan pelepasan ikan tempatan ke perairan umum contohnya seperti ikan lampam asli, udang galah, baung dan sebagainya.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 03900

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI  
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

**myDOF**  
Peneraju Perikanan

Bagi individu yang tidak lagi mampu untuk memelihara ikan asing tersebut, boleh berhubung terus dengan Jabatan Perikanan terdekat bagi membuat serahan untuk pengendalian sewajarnya.

Jabatan Perikanan Negeri Selangor juga berbesar hati dengan komitmen yang ditunjukkan oleh komuniti pemancing yang telah mengambil inisiatif bersama jabatan dalam usaha untuk membendung populasi spesies invasif ini dengan menangkap dan mengeluarkan ikan-ikan tersebut dari perairan umum negara. Pelbagai program juga telah dilaksanakan bersama-sama bagi tujuan tersebut demi memastikan ikan asli tempatan aman mendiami perairan umum negara.

Orang awam juga dinasihati untuk sentiasa cakna dan tidak mengambil mudah berkenaan pencerobohan ikan asing ke perairan umum atas apa sahaja alasan termasuk berkaitan keagamaan, sosial dan masalah untuk memeliharanya. Kepentingan pemuliharaan ekosistem sungai terutamanya ikan asli adalah tanggungjawab bersama.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my)

17 Mei 2024